A **AZMI HUSSAIN & CO lwn. ANDREW-DAVID WONG & ONG**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
HASSAN ABDUL GHANI PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-1-02-2016]
2 SEPTEMBER 2016

B

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Bil kos – Fi guaman – Taksiran – Penanggung insurans firma guaman plaintif melantik firma guaman defendan untuk membela tuntutan terhadap plaintif – Tuntutan pembayaran 'base excess' – Pertikaian klausa 'base excess' – Sama ada plaintif boleh mempertikaikan klausa*
C *'base excess' dalam sijil insurans yang dipersetujui dengan penanggung insurans – Sama ada plaintif 'privy' kepada kontrak berhubung pembayaran fi dan perbelanjaan defendan bagi perkhidmatan guaman mewakili plaintif – Sama ada defendan harus menyerahkan bil guaman kepada plaintif – Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 126*

D

Plaintif telah memaklumkan Jardine Llyod Thompson Sdn Bhd ('JLT'), sebuah syarikat broker kepada penanggung insurans firma guaman plaintif, berkenaan suatu tindakan guaman yang diambil terhadapnya oleh Koperasi Serbausaha Jengka Maran (KOSKA) Berhad. Plaintif dimaklumkan oleh Enchelon Claims Consultants bahawa penanggung insurans firma guaman
E plaintif iaitu Pacific & Orient Insurance Co Berhad ('P&O') telah melantik firma guaman defendan untuk membela tuntutan tersebut. Plaintif juga dimaklumkan bahawa 'base excess' yang dikenakan terhadap plaintif oleh P&O adalah berasaskan had mandatori insurans plaintif yang berjumlah RM500,000 iaitu RM40,500. Setelah defendan selesai memberikan
F perkhidmatan guamannya kepada plaintif, defendan mengemukakan tuntutan kepada P&O berasaskan dua bil guaman, masing-masing berjumlah RM27,683 dan RM16,960. Jumlah keseluruhan bil guaman tersebut adalah RM44,683. Enchelon Claims Consultants kemudian menuntut daripada plaintif bayaran 'base excess' berjumlah RM40,500 seperti yang dipersetujui
G dalam sijil insurans ('SI') manakala baki berjumlah RM4,143 akan dibayar oleh P&O. Tidak berpuas hati dengan bil guaman yang dikenakan oleh defendan, plaintif menghujahkan, antara lain, bahawa (i) kedua-dua bil guaman defendan tidak pernah diserahkan salinannya kepada plaintif; (ii) kedua-dua bil guaman yang keseluruhannya berjumlah RM44,683 adalah
H tidak munasabah, melampau dan tidak bertepatan; dan (iii) kedua-dua bil guaman perlu dirujuk kepada prosiding pencukaian mengikut s. 126 Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta'). Plaintif kemudiannya memfailkan saman pemula ini memohon, antara lain, satu perintah mahkamah untuk mencukai kedua-dua bil guaman tersebut. Isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah sama ada plaintif boleh mempertikaikan
I klausa 'base excess' dalam SI yang dipersetujui olehnya dengan penanggung insurans.

Diputuskan (menolak saman pemula dengan kos):

(1) Defendan dilantik oleh penanggung insurans dan bukan dilantik oleh plaintif. Defendan hanya perlu menyediakan bil dan menghantarnya kepada penanggung insurans dan bukan kepada plaintif. Plaintif bukan 'privy' kepada kontrak berhubung dengan pembayaran fi dan perbelanjaan defendan bagi perkhidmatan guaman mewakili plaintif. Justeru, defendan tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan kedua-dua bil guaman kepada plaintif. (perenggan 13)

(2) Mengikut SI, plaintif telah bersetuju bahawa liabiliti penanggung insurans hanya terhad kepada tuntutan yang melebihi 'base excess'. Klausa 'base excess' dengan jelas memberi hak kepada penanggung insurans untuk mengemukakan tuntutan ke atas plaintif. Selain daripada itu, plaintif sendiri bersetuju sekiranya kos pembelaan perlu dibayar kepada panel peguam, maka plaintif mesti membayar jumlah berdasarkan 'base excess' seperti yang ditetapkan dalam polisi tersebut. (perenggan 24)

(3) Berdasarkan terma-terma kontrak, plaintif bersetuju untuk membayar 'base excess' yang berjumlah RM40,500. Plaintif terikat dengan terma-terma yang dipersetujuinya. Defendan bukan pihak kepada kontrak ini. Jika terdapat sebarang pertikaian antara plaintif dan penanggung insurans, maka, tindakan sepatutnya adalah antara plaintif dan penanggung insurans. Defendan tidak boleh dijadikan pihak kepada pertikaian tersebut. Begitu juga jika plaintif mempertikaikan tuntutan penanggung insurans, maka plaintif perlu mengambil tindakan terhadap penanggung insurans dan bukan defendan. Walaupun klausa 'base excess' kemungkinan membebankan atau tidak adil kepada plaintif, mahkamah tidak boleh berbuat apa-apa kerana ketetapan tersebut dipersetujui dan merupakan kehendak kedua-dua pihak dan sepatutnya dipatuhi oleh pihak plaintif tanpa gagal. (perenggan 27)

(4) Jika penanggung insurans berpuas hati dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh defendan dan bersetuju untuk membayar kos perkhidmatan seperti yang dibilkan oleh defendan, maka tidak ada sesiapa boleh menghalang atau membatalkan tindakan penanggung insurans. Sama ada defendan berselindung disebalik tabir 'base excess' atau tidak bukan menjadi isu yang relevan dan material kerana transaksi antara defendan dengan penanggung insurans adalah transaksi yang dibenarkan oleh undang-undang. (perenggan 28)

(5) Seksyen 126 Akta jelas memperuntukkan bahawa pihak yang boleh mencabar kuantum bil guaman yang dipertikaikan adalah pihak yang ke atasnya kena dipercajkan itu. Berdasarkan kes ini, plaintif bukanlah pihak tersebut kerana pihak tersebut ialah penanggung insurans. Tidak ada keterangan yang menunjukkan penanggung insurans mengarahkan plaintif untuk membayar bil-bil guaman defendan yang dijelaskan

olehnya. Tindakan yang diambil oleh penanggung insurans ke atas plaintif adalah bersandarkan kepada peruntukan 'base excess' dalam polisi yang dipersetujui oleh plaintif dan mengikat kedua-dua pihak. (perenggan 30)

(6) Jumlah fi yang dikenakan oleh defendan kepada penanggung insurans merupakan fi yang dipersetujui antara defendan dan penanggung insurans. Perkara ini boleh dilakukan menurut s. 126 Akta. Maka, plaintif tidak boleh menafikan bahawa kedua-dua bil guaman yang dipersetujui tidak tertakluk kepada pencukaian. (perenggan 33)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Muamalat Malaysia Bhd v. Suhaili Abdul Rahman & Anor [2014] 10 CLJ 179 HC ***(dirujuk)***

Dr Koay Cheng Boon v. Majlis Perubatan Malaysia [2012] 4 CLJ 445 FC ***(dirujuk)***

Pacific & Orient Co Bhd v. Vigneswaran Rajarethinam & Ors [2013] 1 LNS 1003 HC ***(dirujuk)***

Phuah Choon Hwang & Ors v. Hassan & Kong Yeam [1986] 1 CLJ 513; [1986] CLJ (Rep) 579 HC ***(dibezakan)***

Rizana Mohamad Daud v. Naluri Corporation Bhd [2013] 1 CLJ 291 HC ***(dirujuk)***

Royal Selangor Golf Club v. Anglo-Oriental (M) Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 995; [1990] 3 CLJ (Rep) 37 HC ***(dirujuk)***

Shell Malaysia Trading Sdn Bhd v. lim Yee Teck & Ors [1982] 1 LNS 11 FC ***(dirujuk)***

Showa IPC (Malaysia) Sdn Bhd & Anor v. Tetuan The Chambers of Sivalingam [2010] 1 LNS 1507 HC ***(dibezakan)***

Wan Salimah Wan Jaafar v. Mahmood Omar; Anim Abdul Aziz (Intervener) [1998] 1 CLJ 480 HC ***(dirujuk)***

Yap Cheong Leong v. Yunazry Damanhuri [2011] 1 LNS 619 HC ***(dirujuk)***

Yap Nyo Nyok v. Bath Pharmacy Sdn Bhd [1993] 3 CLJ 188 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Legal Profession Act 1976, s. 126

Rules of Court 2012, O. 14A, O. 59 r. 17(2)

Bagi pihak plaintif - Wan Rohimi Wan Daud; T/n Tengku Amalin' A-Ishah Putri, Faizi & Wan Rohimi

Bagi pihak defendan - Ong Siew Wan; T/n Andrew David Wong & Ong

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Rayuan ini dikemukakan oleh pihak plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah menolak saman pemula plaintif di (KM 2) dengan kos sebanyak RM5,000.

[2] Untuk tujuan rayuan ini, mahkamah akan merujuk pihak-pihak berdasarkan kepada kedudukan asal mereka di Mahkamah Tinggi.

Saman Pemula (KM 2)

[3] Plaintif telah memfailkan saman pemula, memohon satu perintah mahkamah untuk mencukai bil-bil guaman defendan. Antara lain, plaintif juga memohon untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) bahawa defendan diperintahkan untuk menyediakan bil kos terperinci (a detailed bill of costs) bagi dua bil guaman iaitu Tax Invoice No. 000245 bertarikh 29 Julai 2015 dan Tax Invoice No. 000300 bertarikh 6 Ogos 2015, selaras dengan A. 59 k. 17(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dalam tempoh 14 hari daripada tarikh perintah ini;

(b) bahawa bil-bil kos tersebut hendaklah dicukaikan (to be taxed) oleh Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar mahkamah;

(c) bahawa defendan hendaklah membayar perbedaan jumlah yang dicukaikan tersebut, sekiranya ada, kepada Pacific & Orient Insurance Co Berhad atau kepada plaintif, dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh serahan salinan meterai alokatur bagi bil-bil kos yang telah dicukaikan tersebut;

(d) bahawa keseluruhan kos prosiding ini dan/atau yang diakibatkan olehnya hendaklah ditanggung dan dibayar oleh defendan selepas ditaksirkan.

[4] Kertas-kertas kausa yang terlibat di dalam tindakan ini ialah:

(a) saman pemula bertarikh 12 Februari 2016;

(b) afidavit sokongan plaintif yang diikrarkan oleh Azmi bin Hussain pada 12 Februari 2016;

(c) afidavit balasan defendan yang diikrarkan oleh Ong Siew Wan pada 13 April 2016; dan

(d) afidavit balasan plaintif yang diikrarkan oleh Azmi bin Hussain pada 3 Mei 2016.

Fakta Kes

[5] Di dalam satu tindakan Guaman Sivil No: 22NCVC-34-4-2013 di Mahkamah Tinggi Kuantan, plaintif telah disaman oleh Koperasi Serbausaha Jengka Maran (KOSKA) Berhad di mana plaintif telah dinamakan sebagai defendan ketiga bersama dengan dua pihak yang lain.

[6] Plaintif telah memaklumkan kepada Jardine Llyod Thompson Sdn Bhd (JLT) berkenaan dengan saman tersebut melalui surat notifikasi bertarikh 30 April 2013. JLT merupakan syarikat broker kepada insurer firma guaman plaintif.

[7] Melalui surat bertarikh 6 Mei 2013 dari Tetuan Enchelon Claim Consultant Sdn Bhd, plaintif dimaklumkan bahawa insurer kepada Mandatory P11 Scheme iaitu Pacific & Orient Insurance Co Berhad (P&O) telah melantik firma guaman defendan untuk membela tuntutan tersebut.

Surat yang berkenaan juga memaklumkan bahawa 'base excess' yang dikenakan terhadap plaintif oleh insurer P&O adalah berasaskan mandatory limit insurans plaintif yang berjumlah RM500,000 iaitu RM40,500.

[8] Defendan telah memberikan perkhidmatan guaman kepada plaintif antara lain meneliti writ saman dan pernyataan tuntutan yang melibatkan permohonan injunksi, perintah deklarasi, isu penipuan, isu kecuaian profesional dan isu ganti rugi, menyedia pemfailan dan serahan notis kehadiran dan pembelaan bagi pihak plaintif, surat menyurat kepada dan daripada pihak-pihak berkenaan termasuk plaintif, peguam cara KOSKA, pihak insurans, temu janji dengan peguam-peguam dari firma plaintif, analisa fakta kes dan dokumen-dokumen, menghadiri mahkamah untuk pengurusan kes dan perbicaraan, menghadiri, mengendali dan mengkaji permohonan untuk memindah kes dari Mahkamah Tinggi Kuantan ke Mahkamah Tinggi Temerloh, menghadiri, mengkaji dan mengendali permohonan di bawah A. 14A KKM 2012 yang difailkan oleh KOSKA dan menyediakan serta memfailkan afidavit jawapan plaintif, menghadiri, mengendali dan mengkaji permohonan untuk consolidation tindakan ini dengan satu lagi tindakan di Mahkamah Tinggi Temerloh No. 22NCVC-16-03-2013, meneliti dokumen-dokumen dan pliding kes No. 22-NCVC-16-03-2013 dan menyediakan untuk perbicaraan penuh pada 21 Januari 2016 - 23 Januari 2016 dan 13 Mei 2015 - 15 Mei 2015. Lihat afidavit balasan defendan (KM 4).

[9] Selepas selesai memberikan perkhidmatan guamannya, pihak defendan telah mengemukakan tuntutan kepada pihak insurans P&O berasaskan kepada dua bil guaman defendan iaitu Tax Invoice No. 000245 bertarikh 29 Julai 2015 berjumlah RM27,683 dan Tax Invoice No. 000300 bertarikh 6 Ogos 2015 berjumlah RM16,960. Jumlah keseluruhan kedua-dua tax invoice tersebut ialah RM44,683.

[10] Melalui surat bertarikh 12 Ogos 2015, afidavit sokongan plaintif – eks. "AH2", Enchelon Claims Consultants telah menuntut plaintif untuk membayar kepadanya 'base excess' berjumlah RM40,500 seperti yang dipersetujui di dalam sijil insurans manakala baki berjumlah RM4,143 akan dibayar oleh P&O.

[11] Plaintif tidak berpuas hati dengan bil-bil guaman yang dikenakan oleh pihak defendan dan telah memfailkan saman pemula ini.

Penghujahan Plaintif

[12] Peguam terpelajar bagi pihak plaintif berhujah antara lain:

(a) Kedua-dua bil guaman defendan ini tidak pernah diserahkan salinannya kepada plaintif.

(b) Bil-bil guaman tersebut yang keseluruhannya berjumlah RM44,683 adalah tidak munasabah, melampau dan tidak bertepatan. Antara lain peguam mengatakan kerja-kerja guaman yang dilakukan oleh defendan adalah mudah kerana fakta-fakta yang terlibat, kausa tindakan dan isu-isu dalam guaman sivil ini tidak novel dan/atau komplikated, tindakan ini juga tidak melalui perbicaraan penuh kerana ia telah dibatalkan oleh mahkamah.

Peguam juga mempersoalkan butir-butir pada tax invoice tersebut yang terlalu umum dan bertindan serta mempersoalkan pengeluaran bil-bil guaman tersebut yang dikatakan meragukan.

(c) Plaintif juga mengatakan oleh kerana bil guaman tersebut adalah sangat melampau dan excessive, maka ianya perlu dirujuk kepada prosiding pencukaian mengikut s. 126 Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Dapatan Mahkamah

[13] Berkait dengan isu di perenggan (a) mahkamah berpendapat berdasarkan kepada fakta kes, defendan tidak perlu menyerahkan kedua-dua bil guaman defendan kepada plaintif kerana di dalam tuntutan tersebut, defendan dilantik oleh penanggung insurans dan bukan dilantik oleh plaintif. Defendan hanya perlu menyediakan bil dan menghantarnya kepada penanggung insurans dan bukan kepada plaintif. Plaintif bukan merupakan 'privy', kepada kontrak berhubung dengan pembayaran fi dan perbelanjaan defendan bagi perkhidmatan guaman mewakili plaintif. Justeru itu defendan tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan bil-bil guaman kepada plaintif.

[14] Berkait dengan isu di perenggan (b) mahkamah berpendapat melihat secara keseluruhan afidavit sokongan saman pemula plaintif dan penghujahan peguam terpelajar plaintif, ia lebih merupakan satu harapan agar mahkamah memberikan simpati kepada mereka kerana terpaksa membayar 'base excess' akibat dari bil-bil guaman yang dikatakannya terlalu tinggi dan melampau. Dalam isu ini mahkamah bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam terpelajar defendan bahawa "plaintif has totally missed the point".

[15] Mahkamah berpendapat isunya bukanlah sama ada bil-bil guaman itu terlalu tinggi atau melampau kerana seperti yang telah mahkamah katakan tidak ada hubungan kontrak antara plaintif dan defendan tetapi isunya adalah sama ada plaintif boleh mempertikaikan klausa 'base excess' di dalam sijil insurans yang telah dipersetujui olehnya dengan penanggung insurans. Justeru, adalah signifikan untuk dinyatakan di sini bahawa fungsi dan skop penghakiman mahkamah adalah terhad kepada tafsiran terma-terma yang terdapat di dalam sijil insurans yang telah dimasuki oleh plaintif dan penanggung insurans. Sama ada terma-terma itu kejam atau tidak kepada plaintif, ianya bukanlah menjadi asas dan sandaran kepada penghakiman mahkamah. Tugas mahkamah hanya untuk mentafsirkan terma-terma

tersebut mengikut kehendak pihak-pihak pada masa mereka memasuki ikatan kontrak tersebut. Di dalam mempertimbangkan pertikaian ini, mahkamah adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip 'construction of contracts' yang dijelaskan di dalam kes *Royal Selangor Golf Club v. Anglo-Oriental (M) Sdn. Bhd* [1990] 1 CLJ 995; [1990] 3 CLJ (Rep) 37.

Dalam mentafsirkan butiran yang terdapat di dalam sijil insurans ini, mahkamah berpendapat setiap perkataan yang digunakan haruslah diberi makna yang sama kecuali dinyatakan sebaliknya. Mahkamah mendapati perkataan yang digunakan di dalam sijil tersebut adalah jelas dan tidak menimbulkan sebarang kekaburan "ambiguity". Dalam keadaan yang sedemikian, fungsi mahkamah hanya untuk memberikan tafsiran mengikut maknanya yang biasa (natural ordinary meaning) pada masa kontrak itu dipersetujui oleh kedua-dua pihak, *Yap Nyo Nyok v. Bath Pharmacy Sdn Bhd* [1993] 3 CLJ 188.

[16] Mahkamah tidak boleh memberikan satu interpretasi yang berbeda daripada maksud biasa bagi butiran tersebut kerana ianya bukan menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menulis semula terma-terma kontrak yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat, *Rizana Mohamad Daud v. Naluri Corporation Bhd* [2013] 1 CLJ 291.

[17] Di dalam kes *Shell Malaysia Trading Sdn Bhd v. Lim Yee Teck & Ors* [1982] 1 LNS 11 Mahkamah Persekutuan mengatakan:

> With respect, the learned Judge was clearly wrong as he was in effect rewriting the contract for the parties by imposing a term which could not be imported into the contract.

[18] Untuk kemudahan rujukan mahkamah merujuk Butiran 8, 9, 10, 11 dan 19 di dalam sijil insurans tersebut. Lihat sesalinan "2013 Cerificate of Insuransce" yang ditanda sebagai eks. "OSW1" di dalam afidavit balasan defendan.

Butiran 19 menyatakan seperti berikut di bawah Klausa WE HAVE THE RIGHT TO TAKE CONDUCT OF THE CLAIM

You agree that:

(a) We have the right to take over the conduct of a claim against you, including its investigation, defence, avoidance, reduction or, subject to cl. 22, its settlement; and

(b) We may do so in your name.

[19] Mahkamah berpendapat tidak ada kekaburan di dalam perkataan yang digunakan di dalam Butiran 19 di dalam sijil insurans tersebut. Mengikut Butiran 19, sijil insurans tersebut, plaintif bersetuju bahawa penanggung insurans mempunyai hak untuk mengambil alih perjalanan tuntutan terhadap plaintif.

Setelah mengambil alih tuntutan tersebut, penanggung insurans telah melantik defendan untuk membela tuntutan tersebut. Fi dan perbelanjaan defendan perlu dibayar oleh penanggung insurans dan bukan oleh plaintif. Justeru, plaintif tidak boleh mempertikaikan mereka tidak ada hubungan kontrak dengan defendan. Ini adalah kerana anak guam defendan ialah penanggung insurans dan bukan plaintif.

[20] Adalah juga jelas bahawa bil-bil guaman ini tidak pernah dikemukakan dan ditujukan kepada plaintif dan tidak ada pada bila-bila masa defendan meminta plaintif menjelaskan dan membayar bil-bil guaman tersebut. Oleh kerana ianya tidak ada kena mengena langsung dengan plaintif, maka adalah tidak wajar untuk plaintif mengenakan apa-apa cukai ke atas bil-bil guaman tersebut.

[21] Mengenai 'base excess' Butiran 8, 9 dan 10 memperuntukkan seperti berikut di bawah klausa YOUR 'BASE EXCESS'.

> 8. Our liability under this insurance shall only apply to that part of any claim which exceeds the 'base excess' specified in Item 9 of the schedule. The 'base excess' shall be borne by you uninsured and at your own risk.
>
> 9. Our liability under this insurance shall only apply to that part of the defence costs on account of any one claim which exceeds the 'base excess' specified in Item 9 of the schedule. Provided however, that the 'base excess' shall only be applied once in the event claim and/or defence costs are incurred.
>
> 10. Where defence costs is payable to panel advocates and solicitors, you must pay the amount of the 'base excess' specified in Item 9 of the Schedule within 45 days of the receipt of the invoice. This payment is a condition precedent to your right to renew your insurance under the Master policy for subsequent policy periods.

[22] Mahkamah berpendapat plaintif adalah terikat dengan terma-terma polisi yang menjadi asas kontrak dan hubungan undang-undang antara plaintif dan penanggung insurans.

Plaintif tidak boleh mengatakan beliau tidak terikat dengan terma-terma yang terdapat di dalam sijil insurans kerana adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan terma-terma kontrak yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh mereka. Dalam kes *Yap Cheong Leong v. Yunazry Damanhuri* [2011] 1 LNS 619, YA Hakim telah merujuk kepada kes *Wan Salimah Wan Jaafar v. Mahmood Omar; Anim Abdul Aziz (Intervener)* [1998] 1 CLJ 480; [1998] 5 MLJ 163 yang mengatakan, 'the principle that parties are bound by the terms of the contract that they sign was emphasised'. Abdul Malik Ishak J (as he then was) said:

> It is trite law that when a party signs a contract knowing it to be a contract which governs the relations between them, then in the absence of fraud or misrepresentation, the party signing it is bound.

[23] Dalam kes *Bank Muamalat Malaysia Berhad v. Suhaili Abdul Rahman & Anor* [2014] 10 CLJ 179; [2013] 1 LNS 1226 mahkamah mengatakan:

> I quoted herein an often quoted case of *Polygram Records Sdn Bhd v. The Search & Anor* [1994] 3 CLJ 806; [1994] 3 MLJ 127 ("*Polygram*") which was decided by His Lordship Visu Sinnadurai J. In *Polygram*, His Lordship had held that a party who had executed a written contract is bound by the four corners of the written contract that he had signed unless if he could establish that the contract was tainted with fraud, misrepresentation and undue influence.

[24] Mengikut butiran 8, sijil insurans, plaintif telah bersetuju liability penanggung insurans hanya terhad kepada tuntutan yang melebihi 'base excess' yang dinyatakan di Butiran 9.

Butiran 9 pula mengatakan plaintif telah bersetuju liability penanggung insurans hanya terhad kepada kos guaman yang melebihi 'base excess' seperti yang dinyatakan di dalan jadual di Butiran 9.

Klausa 'base excess' dengan jelas memberi hak kepada penanggung insurans untuk mengemukakan tuntutan ke atas plaintif dan plaintif sendiri telah bersetuju sekiranya kos pembelaan perlu dibayar kepada panel peguam, maka plaintif mesti membayar jumlah berdasarkan 'base excess' seperti yang telah ditetapkan di dalam polisi tersebut.

[25] Peguam defendan mengatakan di bawah terma polisi tersebut, plaintif dikehendaki untuk menanggung kos lebihan sebanyak RM40,500. Angka ini disahkan oleh peguam terpelajar plaintif di mana beliau mengatakan 'base excess' ini bermaksud bahawa pihak insurer P&O tidak akan membayar apa-apa jumlah pertama bagi RM40,500 sama ada ia hendaklah dibayar bagi kos/bil guaman pembelaan dan/atau kerugian yang berkait dengan notifikasi plaintif tersebut.

[26] Peguam plaintif telah merujuk kepada Item 3 (policy limit and terms) Surat Enchelon Claims Consultants bertarikh 6 Mei 2013 iaitu eks. "AH1" di dalam afidavit sokongan plaintif memperuntukkan seperti berikut:

(a) IP's mandatory limit is RM500,000 which means that the maximum indemnity provided by P&O to IP is RM500,00 only for each and every claim. This is subject to the definition of "one claim" in cl. 26(1);

(b) IP's 'base excess' is RM40,500 for each and every claim. This means that P&O liability will only apply to that part of a claim that exceeds the 'base excess' because the 'base excess' must be borne by IP uninsured at IP's expense. Please refer to cls. 8, 9 and 10;

(c) In practical terms this means that P&O will not pay for the first RM40,500, whether payable towards the defence cost and/or damages incurred in this notification;

(d) The policy requires IP to be responsible for the defence costs incurred up to the exhaustion of IP's 'base excess', ie, the first RM40,500;

(e) Should however the defence cost incurred be less that the 'base excess', IP's maximum payment will be the sum of the defence cost. However if the defence cost is less than the 'base excess' and there is payment to be made towards damages, P&O requires that IP pay the defence cost and the balance of IP's 'base excess' up to RM40,500 in respect of damages, P&O's liability begins when IP's 'base excess' is exhausted.

[27] Mahkamah berpendapat berdasarkan kepada terma-terma kontrak ini, plaintif telah bersetuju untuk membayar 'base excess' yang berjumlah RM40,500. Plaintif terikat dengan terma-terma yang telah dipersetujuinya. Defendan bukan merupakan pihak di dalam kontrak ini. Jika terdapat sebarang pertikaian antara plaintif dan penanggung insurans maka tindakan adalah sepatutnya antara plaintif dan penanggung insurans dan bukan mengheret defendan serta menjadikannya salah satu pihak di dalam pertikaian tersebut. Begitulah juga jika plaintif mempertikaikan tuntutan penanggung insurans, maka plaintif perlu mengambil tindakan terhadap penanggung insurans dan bukannya defendan. Walaupun klausa 'base excess' kemungkinan membebankan atau tidak adil kepada pihak plaintif seperti yang didakwa oleh peguam terpelajar bagi pihak plaintif, mahkamah tidak boleh berbuat apa-apa kerana ketetapan itu telah dipersetujui dan merupakan kehendak kedua-dua pihak dan ia sepatutnya dipatuhi oleh pihak plaintif tanpa gagal. *Pacific & Orient Co Bhd v. Vigneswaran a/l Rajarethinam & Ors* [2013] 1 LNS 1003; [2014] 8 MLJ 423.

[28] Mahkamah berpendapat penghujahan plaintif berkait dengan isu di perenggan (b) adalah tidak relevan kerana beliau tidak ada apa-apa hubungan kontrak dengan defendan. Sama ada kes itu novel, komplikated, atau tidak, sama ada bil guaman itu munasabah, melampau, bertindan, meragukan atau tidak bukan tertakluk kepada kaca mata dan persetujuan plaintif tetapi tertakluk kepada pandangan dan persetujuan penanggung insurans kerana beliaulah yang merupakan pihak kepada kontrak tersebut. Jika penanggung insurans berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh pihak defendan dan telah bersetuju untuk membayar kos perkhidmatan seperti yang dibilkan oleh pihak defendan, maka tidak ada sesiapa boleh menghalang atau membatalkan tindakan penanggung insurans. Sama ada defendan berselindung di sebalik tabir 'base excess' atau tidak bukanlah menjadi isu yang relevan dan material kerana transaksi antara defendan dengan penanggung insurans adalah transaksi yang dibenarkan oleh undang-undang.

Sebarang pembayaran yang dibuat oleh penanggung insurans kepada defendan, adalah berdasarkan kepada persetujuan penanggung insurans ke atas bil-bil guaman yang telah dicajkan oleh pihak defendan kepadanya dan ia tidak ada kena mengena dengan plaintif.

[29] Berkait dengan isu di perenggan (c) peguam terpelajar plaintif berhujah mengikut s. 126 Akta Profession Undang-Undang 1976, plaintif diberi ruang untuk mencabar kuantum guaman yang dipertikaikan atau dianggap excessive dan melampau.

> **S. 126 – An order for taxation of costs to be made within six months of delivery of bill of costs**
>
> (1) An order for the taxation of a bill of costs delivered by any advocate and solicitor may be obtained by a petition of course by the party chargeable therewith, or by any person liable to pay either to the party chargeable or to the advocates and solicitor, at any time within six months from the delivery of the bill, or, by the advocate and solicitor after the expiration of one calendar month, and within a year from, the delivery …
>
> (2) …
>
> Peguam terpelajar Plaintif mengatakan berdasarkan kepada peruntukan di atas, Plaintif berhak untuk memohon kebenaran untuk mencukaikan Bil Kos peguam kerana Plaintif tergolong di bawah "any person liable to pay either to the party chargeable therewith".

[30] Mahkamah tidak bersetuju dengan penghujahan peguam plaintif kerana apabila mentafsirkan satu-satu statut mahkamah mestilah mentafsirkannya secara literal, mengikut maksud biasa dan jelas. Dalam kes *Dr Koay Cheng Boon v. Majlis Perubatan Malaysia* [2012] 4 CLJ 445, Mohd Ghazali Yusoff HMP mengatakan seperti yang berikut:

> [1] A statute is the written will of the Legislature and it is the fundamental rule of interpretation of a statute that it should be expounded according to the intent of Parliament. The courts must use the literal rule where a clear meaning of a statute will allow it, ie, interpret the statute literally, according to its ordinary plain meaning.

Seksyen 126 jelas memperuntukkan pihak yang boleh mencabar kuantum bil guaman yang dipertikaikan ialah pihak yang ke atasnya kena dipercajkan itu. Dalam kes ini, plaintif bukanlah pihak tersebut kerana pihak tersebut ialah penanggung insurans.

Tidak ada keterangan yang menunjukkan penanggung insurans telah mengarahkan plaintif untuk membayar bil-bil guaman defendan yang telah dijelaskan olehnya. Tindakan yang diambil oleh penanggung insurans ke atas plaintif adalah bersandarkan kepada peruntukan 'base excess' dalam polisi yang dipersetujui oleh plaintif dan telah mengikat kedua-dua pihak seperti yang termaklub di Butiran 10 Sijil Insurans "where defence is payable to panel advocates and solicitor, you (ie the plaintiff) must pay the amount of the 'base excess' …".

[31] Fakta kes-kes yang dirujuk oleh plaintif iaitu kes *Showa IPC (Malaysia) Sdn Bhd & Anor v. Tetuan The Chambers of Sivalingam* [2010] 1 LNS 1507, *Phuah Choon Hwang & Ors v. Hassan & Kong Yeam* [1986] 1 CLJ 513; [1986] CLJ (Rep) 579 boleh dibedakan kerana di dalam kes-kes tersebut responden telah dilantik oleh pempetisyen yang bertanggungan untuk membayar bil peguam di mana terdapat pertikaian terhadap bil-bil antara peguam dan anak guam sedangkan di dalam kes ini defendan tidak dilantik oleh plaintif dan bil guaman juga tidak dibayar oleh plaintif.

[32] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguam defendan bahawa mahkamah akan membuka 'floodgate' jika plaintif dibenarkan untuk memulakan tindakan di mahkamah terhadap peguam atau adjuster atau penyiasat persendirian sekiranya plaintif tidak bersetuju dengan kos yang ditanggung untuk melantik peguam, adjuster atau penyiasat persendirian untuk menyiasat tuntutan di mana bayaran untuk kesemua caj sepatutnya dibayar oleh penanggung insurans kepada peguam atau adjuster atau penyiasat persendirian berdasarkan fi yang telah dipersetujui oleh penanggung insurans dan defendan.

[33] Jumlah fi yang dikenakan oleh defendan kepada penanggung insurans merupakan fi yang telah dipersetujui antara defendan dan penanggung insurans. Perkara ini boleh dilakukan menurut s. 126 Akta Profession Undang-Undang 1976. Plaintif tidak boleh menafikan bahawa bil-bil guaman yang telah dipersetujui tidak tertakluk kepada pencukaian.

Kesimpulan

[34] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas mahkamah memutuskan, permohonan saman pemula plaintif di KM (2) ditolak dengan kos sebanyak RM5,000.